

02 MAR 1998

Zainuddin-Senator

WARTAWAN VETERAN ZAINUDDIN MAIDIN DILANTIK SENATOR

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Datuk Zainuddin Maidin telah dilantik sebagai anggota Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun.

Setiausaha Dewan Negara Abdullah Abdul Wahab hari ini berkata upacara angkat sumpah Zainuddin akan diadakan pada Isnin depan.

Zainuddin, 58, yang lebih dikenali di kalangan wartawan sebagai Zam, ketika dihubungi Bernama menyifatkan pelantikannya sebagai satu penghormatan dan pengiktirafan kepada peranan bidang kewartawanan di Malaysia.

Beliau merupakan orang yang pertama dilantik ke Dewan Negara bagi mewakili golongan wartawan.

"Ini tidak sahaja merupakan penghormatan kepada diri saya tetapi kepada wartawan yang menjalankan peranan sebagai +suara kesederhanaan+ bagi pembentukan suatu bangsa yang berpegang teguh kepada budaya toleransi, berasaskan kepada formula Malaysia sendiri," katanya.

Zam, yang mula berkecimpung dalam bidang kewartawanan pada akhir 1950'an di Alor Setar, Kedah, berkata media di negara ini telah memberi sumbangan yang sangat besar dalam membantu proses sosialisasi untuk mewujudkan masyarakat berbilang kaum yang dalam keadaan apapun, lebih mementing sikap hormat menghormati, keharmonian, perpaduan dan kestabilan negara.

Karier Zam dalam bidang kewartawanan bermula dari peringkat paling bawah iaitu sebagai pemberita sambilan di Utusan Melayu, kemudian sebagai wakil Utusan Melayu Kedah-Perlis, Ketua Pemberita di Kuala Lumpur, Pengarang Berita, Pengarang dan kemudian Ketua Pengarang dari 1982 hingga 1992.

Beliau kini adalah pengerusi eksekutif Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Utusan Melayu.

Zam telah menulis empat buah buku, termasuk "Mahathir Di Sebalik Tabir" mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil dan biografi Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak "Jejak Bertapak Seorang Patriot".--BERNAMA

AU MAI